



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

SOALAN LAZIM (FAQ'S)
BERKAITAN PERTANDINGAN KUIZ PASUKAN BADAN BERUNIFORM
SEKOLAH-SEKOLAH PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2020

- Adakah murid boleh menjawab berulang kali ?**
Tidak boleh. Murid hanya boleh menjawab sekali sahaja dan jika didapati murid yang sama menjawab lebih daripada sekali maka penyertaan akan terbatal.
- Apakah bentuk soalan kuiz?**
Bentuk soalan adalah umum berkaitan Pasukan Badan Beruniform (PBB) seperti ikatan, balutan, bantu mula, ikhtiar hidup dan sebagainya.
- Adakah penyertaan ini diiktiraf di dalam pemarkahan PAJSK?**
Ya. Kuiz ini diiktiraf mengikut pencapaian murid di dalam kuiz tersebut.
- Bagaimana jika murid tiada email moe?**
Boleh menggunakan apa jua email tetapi amat digalakkan menggunakan email moe bagi meningkatkan peratus penggunaan GC sekolah.
- Adakah kuiz ini sama dengan kuiz di peringkat KPM?**
Ya. Kuiz peringkat negeri ini telah diselaraskan mengikut kuiz yang akan dijalankan di peringkat kebangsaan (KPM) tetapi murid yang terbaik di peringkat negeri akan menerima tambahan sijil pencapaian peringkat negeri dan hadiah iringan.
- Bagaimana dengan sijil penyertaan ?**
Sijil penyertaan dalam bentuk digital. Murid yang melepasi markah 80% akan mendapat sijil peringkat kebangsaan, 70% hingga 79% markah mendapat peringkat negeri manakala yang melepasi markah 50% akan mendapat sijil peringkat daerah yang akan dihantar melalui email yang didaftarkan. Sijil boleh dicetak oleh pihak sekolah atau murid sendiri
- Bagaimana dengan hadiah dan sijil pencapaian?**
Hadiah dan sijil akan disediakan oleh pihak penganjur bagi peringkat negeri.
- Berapa lamakah tempoh masa diberikan untuk menjawab ?**
Bermula 10/11/2020 hingga 12/11/2020 iaitu selama 3 hari. Namun pemenang dikira berdasarkan peratus jawapan yang betul dan masa yang terpantas.
- Bilakah pautan (link) soalan akan diberikan ?**
Bermula jam 1201 pagi (10/11/2020) sehingga jam 11.49 malam (12/11/2020)
- Adakah ditetapkan jumlah murid bagi penyertaan sekolah ?**
Semua murid sekolah layak menyertai mengikut kategori yang telah ditetapkan. Pemarkahan kategori sekolah berdasarkan pengiraan berikut :-

$$\frac{\text{Jum. Murid Lulus}}{\text{Jum. Keseluruhan Penyertaan Murid}} \times 100$$

Jumlah keseluruhan penyertaan murid mestilah 50 % daripada jumlah murid sekolah adalah sebagai satu syarat tambahan

Pihak urusetia mengucapkan selamat menjawab kuiz dan semoga berjaya.

7 NOVEMBER 2020